

**SEJARAH PERKEMBANGAN PERSATUAN HAKKA
DI DAERAH PAPAR: TAHUN 1964 HINGGA TAHUN
2015**



ERICK LIEW CHEE SIANG

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2022**

**SEJARAH PERKEMBANGAN PERSATUAN HAKKA
DI DAERAH PAPAR: TAHUN 1964 HINGGA TAHUN
2015**

ERICK LIEW CHEE SIANG



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN SEJARAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS LATIHAN ILMIAH

JUDUL : **SEJARAH PERKEMBANGAN PERSATUAN HAKKA DI DAERAH PAPAR: TAHUN 1964 HINGGA TAHUN 2015**

IJAZAH : **SARJANA MUDA**

BIDANG : **SAINS SOSIAL (SEJARAH)**

Saya **ERICK LIEW CHEE SIANG** sesi **2019-2022** mengaku bahawa untuk membenarkan Latihan Ilmiah Sarjana Muda ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SALIN

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

/ TIDAK TERHAD



ERICK LIEW CHEE SIANG

BA19110339

Tarikh : (Diserahkan kepada PPPS)

Disahkan Oleh,



ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)



(Dr. Maureen De Silva)

Penyelia

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa latihan ilmiah yang bertajuk *Sejarah Perkembangan Persatuan Hakka Di Daerah Papar: Tahun 1964 Hingga Tahun 2015* ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya.



ERICK LIEW CHEE SIANG

BA19110339

12 OGOS 2022

TARIKH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : ERICK LIEW CHEE SIANG
NO. MATRIK : BA19110339
TAJUK : SEJARAH PERKEMBANGAN PERSATUAN HAKKA DI
DAERAH PAPAR: TAHUN 1964 HINGGA TAHUN 2015
IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN (SEJARAH)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH:

1. PENYELIA

Dr. Maureen de Silva

Tandatangan

PENGHARGAAN

Selamat Sejahtera dan syukur saya ucapkan kepada Tuhan atas berkat-Nya dalam memberikan kekuatan dan kesihatan tubuh badan kepada saya untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Pengalaman yang diperoleh sepanjang menghasilkan penulisan ini semestinya akan menjadi salah satu pengajaran hidup untuk berusaha dengan lebih gigih lagi pada masa hadapan.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Professor Dr. Maureen de Silva selaku penyelia saya sepanjang melaksanakan penulisan tesis ini. Segala nasihat, tunjuk ajar dan masa yang beliau luangkan dalam membimbing saya dari awal hingga akhir penulisan ini akan sentiasa diingati sepanjang hidup saya untuk menjadi seorang yang lebih gigih berusaha dalam mencapai kejayaan. Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada kedua-dua ibubapa saya, Liew Kim Foo dan Rosita Binti Michael, yang telah berpenat-lelah untuk memberikan pendidikan yang terbaik kepada saya agar mampu menjadi seorang insan yang mampu berdikari dan berpendidikan tinggi. Segala pengorbanan dan sokongan mereka sepanjang tempoh menyiapkan penulisan tesis ini akan saya hargai seumur hidup saya. Dalam pada itu, saya berterima kasih juga kepada pihak Persatuan Hakka Papar yang sudi untuk meluangkan masa dan kerjasama dalam memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan latihan ilmiah ini. Tanpa kerjasama tersebut, tesis ini sememangnya tidak akan dapat dihasilkan berikutan kepentingan data kajian daripada pihak mereka.

Di samping itu, segulung kasih saya ucapkan kepada semua rakan-rakan seperjuangan saya atas kata-kata semangat serta bantuan dari segi ilmu dan masa yang diluangkan bersama dalam mencari buah fikiran sepanjang menulis tesis ini. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang memberi sokongan kepada saya tidak kira secara langsung atau tidak langsung sepanjang tempoh perjuangan saya dalam menyiapkan tesis ini. Saya berharap agar jasa baik semua akan dirahmati dengan berkat dan perlindungan yang kekal dari Tuhan yang maha berkuasa. Sekian, terima kasih.

ERICK LIEW CHEE SIANG

5 OGOS 2022

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji tentang sejarah awal penubuhan Persatuan Hakka Papar di daerah Papar, Sabah dari tahun 1964 hingga tahun 2015. Permasalahan kajian yang mendasari penyelidikan ini adalah berkaitan dengan struktur-struktur asas Persatuan Hakka Papar sejak awal penubuhannya dan juga peranan serta cabaran yang pernah dilalui oleh Persatuan Hakka Papar sejak tahun 1964 hingga tahun 2015. Berdasarkan data kajian, kajian ini mendapati bahawa persatuan Hakka Papar telah ditubuhkan pada tahun 1964 melalui cadangan Encik Chan En Fook yang kemudiannya diusahakan oleh sekumpulan individu penting dalam komuniti Hakka di daerah Papar. Matlamat utama penubuhan persatuan ini adalah untuk membantu masyarakat Hakka yang pada masa itu sangat miskin dan memerlukan bantuan luar untuk terus hidup. Walaupun keadaan hidup masyarakat Hakka kini sudah menjadi lebih baik, tidak dinafikan bahawa persatuan ini masih wujud demi menjaga kebajikan komuniti Hakka di samping memartabatkan warisan kebudayaan masyarakat mereka. Kajian ini juga mendapati bahawa persatuan ini aktif dalam merekrut ahli baru di sekitar daerah Papar berikutan kekurangan media penyebaran di kawasan tersebut pada awal era penubuhannya. Sejak pembentukan semula persatuan ini pada tahun 1984, aktiviti yang lebih berfokuskan kepada kebajikan dan pembinaan jati diri telah mula diperbanyakkan agar mampu menarik minat generasi muda untuk melakukan perkara yang berfaedah. Walaupun sering menghadapi kekangan dari segi kewangan, persatuan ini masih kukuh memberi khidmat kepada komuniti Hakka di daerah Papar hasil kerjasama setiap ahli dalam persatuan tersebut.

Kata Kunci: Masyarakat Hakka, Daerah Papar, Persatuan, Kebajikan

ABSTRACT

This study examines the early history of the establishment of the Papar Hakka Association in Papar, Sabah from 1964 to 2015. The research problems underlying this study is related to the basic structure of the Papar Hakka Association since its inception and also the roles and challenges that Papar Hakka Association has gone through since 1964 to 2015. Based on research data, this study finds that the Papar Hakka Association was established in 1964 through the suggestion of Mr. Chan En Fook which was then worked on by a group of highly regarded individuals in the Hakka community in Papar district. The original goal of this association was to provide aid for the Hakka community which most of them at that time lived in poverty and hoping for outside help to keep on surviving. Although their living conditions nowadays have improved, there is no denying that this association still exists to protect the welfare of the Hakka community in addition to upholding their cultural heritages. This study also found that this association were active in recruiting new members around Papar district due to the lack of dissemination media in the area at the beginning of its founding era. Since the re-formation of this association in 1984, activities that are more focused on welfare and identity building have begun to increase in order to attract the interest of the younger generation while encourage them to do beneficial activities. Despite facing difficulties such as financial constraints, this association is still strong in serving the Hakka community in Papar as a result of the cooperation of each member in the association.

Keywords: *Hakka Community, Papar District, Association, Welfare*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi-vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI GAMBAR	ix-x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	1-2
1.3 Objektif Kajian	2
1.4 Sorotan Literatur	2-5
1.5 Kepentingan Kajian	5-6
1.6 Skop Kajian	6-7
1.7 Metodologi Kajian	7
1.8 Pembahagian Bab	7-9
1.9 Kesimpulan	10
BAB 2: LATAR BELAKANG MASYARAKAT HAKKA DI SABAH	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Sejarah Kedatangan Masyarakat Hakka di Sabah	11-15
2.3 Bentuk Kepimpinan Awal Masyarakat Hakka Di Sabah	15-18
2.4 Peralihan Kegiatan Ekonomi Daripada Pertanian Ke Perniagaan	18-21
2.5 Perkembangan Kehidupan Sosial Masyarakat Hakka Di Sabah	21-24
2.6 Penubuhan Persatuan Bagi Masyarakat Hakka Di Sabah	24-25

2.7	Kesimpulan	26
BAB 3:	LATAR BELAKANG PERSATUAN HAKKA PAPAR	
3.1	Pengenalan	27
3.2	Sejarah Penubuhan Persatuan Hakka Papar	27-32
3.3	Logo Persatuan Hakka Papar Dan Pengertiannya	32-34
3.4	Visi Dan Misi Persatuan Hakka Papar	34-35
3.5	Lagu Rasmi Persatuan Hakka Papar	35-37
3.6	Keahlian Persatuan Hakka Papar	37-38
3.7	Struktur Organisasi Persatuan Hakka Papar	39
3.7.1	Jawatankuasa Persatuan Hakka Papar	39-41
3.7.2	Badan Organisasi Kecil Dalam Persatuan Hakka Papar	41-45
3.7.3	Mesyuarat Agung Persatuan Hakka Papar	46
3.8	Kewangan Persatuan Hakka Papar	46-47
3.9	Kesimpulan	48
BAB 4:	AKTIVITI & CABARAN YANG PERNAH DILALUI OLEH PERSATUAN HAKKA PAPAR	
4.1	Pengenalan	49
4.2	Aktiviti-Aktiviti Persatuan Hakka Papar	49
4.2.1	Aktiviti Tahun 1964 Hingga 1980	49
4.2.2	Aktiviti Tahun 1981 Hingga 1990	49-54
4.2.3	Aktiviti Tahun 1991 Hingga 2000	55-58
4.2.4	Aktiviti Tahun 2001 Hingga 2015	58-61
4.3	Penerbitan Buku	61-62
4.4	Cabaran Yang Dihadapi Oleh Persatuan Hakka Papar	63-64
4.5	Kesimpulan	65
BAB 5:	RUMUSAN	66-69
BIBLIOGRAFI		70-75

SENARAI JADUAL

	HALAMAN
Jadual 3.2 : Senarai barisan kepimpinan Persatuan Hakka Papar tahun 1983	30
Jadual 3.5 : Lirik lagu persatuan bersertakan maksud bagi setiap baris ayat	36
Jadual 3.7.1 : Senarai jawatan dan bidang kuasa mereka secara umum	40-41



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	HALAMAN
Gambar 2.2 : Pertempuran antara tentera barat dengan tentera pemberontak Taiping	12
Gambar 2.2.1 : Golongan imigran Cina atau <i>coolies</i> dari China yang menuju ke Singapura	14
Gambar 3.2 : Antara tokoh yang terlibat dalam penubuhan Persatuan Hakka Papar; Siaw Yee Fah (kiri) dan Siaw Kui Yin (kanan)	28
Gambar 3.2.1 : Barisan kepimpinan Persatuan Hakka Papar tahun 1983	31
Gambar 3.3 : Logo-logo rasmi Persatuan Hakka Papar	33
Gambar 3.5 : Salinan asal bagi lirik lagu persatuan di pejabat am Persatuan Hakka Papar	37
Gambar 3.7 : Barisan ahli bagi Kumpulan Kebajikan Persatuan Hakka Papar tahun 2005	42
Gambar 3.7.1 : Barisan ahli bagi Kumpulan Wanita Persatuan Hakka Papar tahun 2003-2004	43
Gambar 3.7.2 : Barisan ahli bagi Kumpulan Belia Persatuan Hakka Papar tahun 1993-1994	44
Gambar 3.7.3 : Barisan ahli bagi Kumpulan Belia Persatuan Hakka Papar tahun 2005	45
Gambar 4.2 : Carta organisasi bagi ahli jawatankuasa Persatuan Hakka Papar tahun 1985 di pejabat am persatuan tersebut.	50
Gambar 4.2.1 : Majlis angkat sumpah bagi ahli jawatankuasa Persatuan Hakka Papar sesi ke-2	52
Gambar 4.2.2 : Kehadiran bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan di majlis Malam Muhibah Persatuan Hakka Negeri Sabah.	53

Gambar 4.2.3 : Penyerahan wang biasiswa kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang di sekolah	55
Gambar 4.2.4 : Lawatan Kumpulan Wanita Persatuan Hakka Papar ke <i>Holy Family Residence For Senior Citizens</i> di Kg. Purak, Papar	57
Gambar 4.2.5 : Kongres Ahli Tahunan Ke-13 yang dipengerusikan oleh GPHS pada tahun 2008	59
Gambar 4.2.6 : Acara merasmikan kereta hias Persatuan Hakka Papar	61
Gambar 4.3 : Buku-buku yang diterbitkan oleh Persatuan Hakka Papar secara rasmi pada tahun 1994 dan 2019	62



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

PPPHM	PERSEKUTUAN PERSATUAN-PERSATUAN HAKKA MALAYSIA
GPHS	GABUNGAN PERSATUAN HAKKA SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
SBBUB	SYARIKAT BERPIAGAM BRITISH UTARA BORNEO
CCOC	CHINESE CHAMBER OF COMMERCE
YB	YANG BERTHORMAT
EN	ENCIK
NGO	NON GONVERMENTAL ORGANIZATION
VIP	VERY IMPORTANT PERSON



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Latihan ilmiah ini merupakan sebuah penulisan berkaitan dengan Sejarah Perkembangan Persatuan Hakka di Daerah Papar dari tahun 1964 hingga 2015. Masyarakat Hakka atau '*kejia*' (orang tetamu) merupakan salah satu cabang kaum dalam Han China, dipercayai menetap di wilayah Henan dan Shanxi sebelum berhijrah ke Selatan China. Bermula abad ke-18 dan 19, keadaan di Selatan China menjadi semakin teruk terutamanya selepas peristiwa Pemberontakan Taiping (1850-1864) sehingga memaksa sejumlah besar masyarakat Hakka untuk berhijrah ke Taiwan, Tanah Melayu dan Kepulauan Borneo. Menurut Banci Malaysia tahun 1970, masyarakat Hakka merupakan kumpulan dialek Cina kedua terbesar di Semenanjung Malaysia dan kumpulan yang terbesar di kedua-dua negeri Sarawak dan Sabah.¹

Antara pekerjaan yang biasa dijalankan oleh masyarakat Hakka di Malaysia pada zaman dahulu adalah sebagai buruh kasar di lombong bijih timah dan ladang getah walaupun corak pekerjaan tersebut berubah pada masa kini. Selain itu, mereka juga ada mendirikan *kongsi* (syarikat gabungan) bagi mengatasi masalah ekonomi dan membantu pelombong yang kecil di Tanah Melayu dan Kepulauan Borneo.² Gabungan tersebut kemudiannya berkembang menjadi *huiguan* (persatuan) di mana keahliannya adalah berdasarkan dialek dan asal-usul mereka di China.

Tajuk ini dipilih bagi memberikan pendedahan berkaitan sejarah di sebalik penubuhan Persatuan Hakka di daerah Papar dan mengenalpasti peranan persatuan tersebut terhadap masyarakat dalam daerah tersebut. Sejak penubuhan persatuan tersebut, dapat dilihat bahawa wujudnya satu badan institusi yang boleh memberi bantuan serta menjaga kebajikan penduduk di daerah Papar terutamanya masyarakat Hakka. Namun, kebanyakan generasi muda kini dilihat kurang mempunyai

¹ CARSTENS, SHARON A. 1996. "Form and Content in Hakka Malaysian Culture." Dalam *Guest People: Hakka Identity in China and Abroad*, diedit oleh CONSTABLE NICOLE. Hlm. 128 & 129.

² *Ibid.* Hlm. 134 & 135.

pengetahuan berkaitan Persatuan Hakka atau kurang berminat untuk mengikuti aktiviti yang dijalankan oleh persatuan tersebut. Sekiranya keadaan tersebut dibiarkan, persatuan ini mungkin tidak akan dapat dikekalkan pada masa akan datang akibat kekurangan ahli baharu bagi meneruskan legasi persatuan tersebut.

Merujuk kepada isu yang telah dikemukakan, pengkaji membahagikan penyelidikan ini kepada beberapa aspek utama bagi menjawab objektif yang telah dikemukakan. Dengan pembahagian tersebut, pengkaji mampu mengumpul maklumat dengan lebih efisien selain mengelak daripada memasukkan maklumat yang tidak berkaitan dengan kajian ini. Antara perkara yang diteliti oleh pengkaji adalah sejarah masyarakat Hakka serta penubuhan persatuan tersebut, peranan, cabaran yang dihadapi dan persatuan tersebut dalam komuniti Hakka di daerah Papar. Dalam pada itu, setiap aspek akan dibincangkan mengikut pembahagian tempoh tahun yang berbeza bagi melihat corak perubahan yang dialami oleh Persatuan Hakka sejak zaman penubuhannya hingga tahun 2015.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Persatuan Hakka Papar dilihat sebagai sebuah persatuan yang mewakili majoriti masyarakat Cina di daerah tersebut yang mana kebanyakannya terdiri daripada komuniti Hakka. Walaubagaimanapun, aktiviti serta perkembangan dalam persatuan tersebut kebiasaannya hanya diketahui oleh golongan dewasa dan warga emas sahaja manakala generasi muda dilihat kurang peka terhadap perkara-perkara tersebut.

Antara faktor yang mungkin menyebabkan keadaan tersebut terjadi adalah kekurangan kajian berkaitan institusi masyarakat Hakka di Sabah secara umumnya dan daerah Papar secara khususnya. Kajian yang lebih teliti harus dijalankan bagi menambah maklumat berkaitan institusi masyarakat tersebut yang masih banyak kelompangan berdasarkan pernyataan pengkaji-pengkaji lepas. Justeru itu, pengkaji memilih untuk melaksanakan kajian ini bagi mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

- i) Bagaimanakah masyarakat Hakka membina komuniti mereka di Sabah sejak awal kedatangan mereka?
- ii. Sejauhmanakah Persatuan Hakka Daerah Papar telah berkembang sejak tahun 1964 hingga tahun 2015?

iii. Apakah peranan serta cabaran yang pernah dilalui oleh Persatuan Hakka Daerah Papar sejak persatuan tersebut ditubuhkan?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Penulisan ini dihasilkan bagi menjawab persoalan-persoalan yang telah dinyatakan dengan menggunakan fakta yang benar dan sahih agar ianya mampu dijadikan rujukan ilmiah kepada pengkaji-pengkaji lain pada masa akan datang. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menyediakan berberapa objektif untuk meneliti sejarah perkembangan Persatuan Hakka Papar dari tahun 1964 hingga 2015. Objektif-objektif tersebut adalah seperti berikut:

- i. Mendokumentasikan sejarah perkembangan masyarakat Hakka di Sabah sejak kedatangan mereka pada penghujung abad ke-19 hingga kini.
- ii. Mengenalpasti sejarah serta struktur-struktur asas dalam Persatuan Hakka Papar sejak awal penubuhannya hingga tahun 2015.
- iii. Membincangkan peranan serta cabaran yang pernah dilalui oleh Persatuan Hakka Papar sejak tahun 1964 hingga tahun 2015.

1.4 SOROTAN LITERATUR

Kajian ini memfokuskan penubuhan dan perkembangan sistem persatuan dalam komuniti Hakka serta peranan persatuan tersebut dalam kehidupan masyarakat Hakka. Persatuan Hakka Daerah Papar merupakan salah satu persatuan masyarakat Cina yang wujud bukan sahaja di Sabah, malah di seluruh Malaysia. Sistem persatuan tersebut mula diperkenalkan oleh kumpulan-kumpulan pendatang dari China yang terdiri daripada orang Kantonis, Hokkien dan Hakka pada awal abad ke 19. Menurut Liao (2020), kumpulan pendatang Hakka yang terawal di Borneo Utara (Sabah) adalah pada tahun 1882 di mana mereka dibawa masuk oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB)

melalui pas perjalanan percuma dan kemudiannya berjaya menarik minat golongan Hakka yang lain di China untuk datang ke Borneo Utara.³

Pernyataan yang sama juga dibincangkan oleh Wong (1998) di mana majoriti pendatang Cina di Sabah adalah Orang Hakka dan selebihnya adalah Orang Kantonis, Hokkien, Teochew, Hainan dan Shantung. Beliau juga mengatakan bahawa pendatang Cina tersebut dibawa oleh golongan mubaligh Kristian dan syarikat tembakau untuk meneroka kawasan baharu di Borneo Utara.⁴ Menurut Jones (1966), lebih 6,000 buruh Cina dibawa masuk pada tahun 1910 dan kebanyakannya merupakan orang Hakka yang kemudiannya bekerja di kebun-kebun kecil. Pada tahun 1911, terdapat hampir 28,000 penduduk Cina di Borneo Utara dan majoriti daripadanya menetap secara kekal di kawasan tersebut.⁵

Dalam catatan ringkas Lee (1980), masyarakat Hakka daripada selatan China (Kah Yin, Tai Fu, Fei Chow, Feng Soon serta daerah Fujian) adalah golongan majoriti yang berhijrah ke Malaysia dan setiap daripada mereka memiliki '*Huay Kuans*' (Persatuan Daerah) masing-masing.⁶ Menurut Carstens pula, kebanyakan masyarakat Hakka datang ke Kepulauan Borneo sebagai pelombong pada abad ke 18 dan bekerja di bawah sistem kontrak yang dikawal oleh bangsawan Melayu. Segelintir daripada pelombong tersebut mula membentuk kumpulan kecil yang kemudiannya dikenali sebagai *kongsi* (syarikat gabungan) dan berkongsi hasil pendapatan sesama mereka bagi membebaskan diri daripada kawalan bangsawan Melayu.⁷ Sistem persatuan yang diwujudkan oleh masyarakat Cina mempunyai keunikannya yang tersendiri di mana wujudnya ikatan kekeluargaan sesama ahli dalam persatuan mereka dan sentiasa bersedia untuk membantu antara satu sama lain.

Dalam pada itu, Yen (1981) percaya bahawa ikatan sesama kerabat yang wujud dalam kebanyakan kumpulan masyarakat Cina sejak zaman dahulu lagi dan ikatan tersebut menjadi semakin kuat apabila mereka berhijrah ke negara asing. Melalui ikatan kekeluargaan tersebut, golongan imigran Cina berkongsi matlamat yang

³ Chih-I Liao. 2020. Family Language Policy in a Hakka Community in Sabah, Malaysia. *Journal of Modern Languages*. Hlm. 131.

⁴ Wong Tze-Ken, D. 1998. *The Transformation of an Immigrant Society. The Study of the Chinese of Sabah*.

⁵ L.W. Jones. 1966. *The Population of Borneo: A Study of the Peoples of Sarawak, Sabah and Brunei*. University of London. Cetakan semula oleh Opus Publications Sdn. Bhd. Kota Kinabalu pada tahun 2007.

⁶ Mong, Tan Sri Lee Siow. 1980. "THE HAKKAS." *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Hlm. 109.

⁷ CARSTENS, SHARON A. 1996. "Form and Content in Hakka Malaysian Culture." Dalam *Guest People: Hakka Identity in China and Abroad*, diedit oleh CONSTABLE NICOLE. Hlm. 134.

sama untuk membantu antara satu sama lain demi membiasakan diri mereka di negara asing dengan membentuk organisasi berdasarkan kerabat mereka.⁸ Menurut Lim (1962), golongan imigran Cina mempunyai ketahanan, ketabahan dan kekuatan organisasi yang luar biasa lalu membolehkan mereka untuk menempuh kehidupan yang sukar di Borneo Utara (Sabah).⁹ Perkara ini juga tertakluk kepada masyarakat Hakka di mana mereka merasakan perlunya membentuk sebuah organisasi untuk memenuhi fungsi mereka dalam politik, ekonomi, sosial dan keagamaan.

Justeru itu, berberapa persatuan Hakka yang terawal telah ditubuhkan di Tanah Melayu seperti *Jiaying* (嘉應), *Yongding* (永定) dan *Huizhou* (惠州) pada awal abad ke-19 bagi menjamin kelangsungan hidup mereka di negara asing.¹⁰ Perkara yang sama juga ada dibincangkan oleh Wang (2012) semasa mengulas keterangan Wu Hua (1980), di mana mengatakan bahawa terdapat lapan cawangan Persatuan Hakka di Malaysia iaitu *General Hakka Association*, *Jiaying Association*, *Chayang/ Dapu Association*, *Huizhou Association*, *Fengshun Association*, *Zengcheng/ Zenglong Association*, *Yongding Association* dan *Hepo Association*.¹¹

Di samping itu, setiap persatuan masyarakat Cina memiliki satu peraturan yang sama iaitu melarang kumpulan masyarakat yang lain untuk menyertai persatuan mereka. Pernyataan berikut disokong oleh Hsiao dan Lim (2007) di mana elemen kesepaduan adalah sangat penting dalam menjamin pengekalannya persatuan tersebut. Persatuan Hakka di Borneo mempunyai hubungan yang kukuh dengan persatuan induk di Tanah Melayu dan seterusnya memudahkan proses kemasukan pekerja baharu serta usaha pemberian bantuan.¹² Melalui pemerhatian yang dibuat oleh Edwin Lee (1968), kebanyakan persatuan Hakka di Sabah tidak menerima tajaan daripada ketua masyarakat mereka. Menurut beliau, perkara tersebut mungkin disebabkan oleh corak petempatan masyarakat Hakka yang tersebar jauh antara satu sama lain dan sikap masyarakat Hakka yang suka hidup berdikari.¹³ Di Sabah, walaupun peranan persatuan masyarakat Hakka jelas dari segi ekonomi, sosial dan

⁸ Ching-Hwang, Yen. 1981. "Early Chinese Clan Organizations in Singapore and Malaya, 1819-1911." *Journal of Southeast Asian Studies*. Hlm. 63.

⁹ Lee, Y. L. 1962. The Population of British Borneo. *Population Studies*. Hlm. 229.

¹⁰ Hsin-Huang Michael HSIAO, LIM Khay Thiong. 2007. The Formation and Limitation of Hakka Identity in Southeast Asia. *Taiwan Journal of Southeast Asian Studies*. Hlm. 14.

¹¹ Wang XiaoMei. 2012. Mandarin Spread In Malaysia. Hlm. 18.

¹² *Ibid.* Hlm. 14.

¹³ CARSTENS, SHARON A. 1996. "Form and Content in Hakka Malaysian Culture." Dalam *Guest People: Hakka Identity in China and Abroad*, diedit oleh CONSTABLE NICOLE. Hlm. 147.

keagamaan, peranan mereka dalam politik masih kurang dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas.

Seterusnya, Hsiao dan Lim (2007) mengatakan bahawa kajian terhadap masyarakat Hakka di Malaysia adalah suatu perkara yang masih baharu serta mempunyai potensi untuk berkembang di masa yang akan datang.¹⁴ Kenyataan tersebut disokong oleh Hill (1990) di mana beliau mengatakan bahawa kebanyakan rekod sejarah berkaitan kumpulan pendatang Cina di Asia Tenggara telah hilang dan usaha penyelidikan ke atas topik tersebut adalah sangat sedikit.¹⁵ Perkara yang hampir sama juga dinyatakan oleh Zhang (2007) bahawa kebanyakan imigran Hakka tidak meninggalkan rekod sejarah kehidupan mereka; pengkaji-pengkaji hanya boleh bergantung pada rekod umum pensejarahan berkaitan komuniti tersebut atau hasil kajian lisan yang kebiasaannya kurang tepat.¹⁶ Dalam pada itu, kebanyakan kajian yang dijalankan oleh penulis tempatan berkaitan masyarakat Hakka di Asia Tenggara hanya berfokuskan kepada biografi, persatuan dan sejarah tempatan masyarakat tersebut. Tambahan pula, kebanyakan hasil penulisan tersebut bukan bertujuan untuk menyumbang kepada penyelidikan akademik tetapi hanya untuk tujuan peringatan bagi komuniti atau persatuan mereka sahaja.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui pelaksanaan kajian ini, pengkaji percaya bahawa ianya mampu menyumbang kepada penyelidikan berkaitan masyarakat Hakka di negara ini dan boleh dijadikan rujukan untuk kajian lanjutan pada masa akan datang. Melalui sorotan literatur yang telah dibuat, pengkaji mendapati bahawa kajian terhadap kumpulan masyarakat Hakka masih merupakan sebuah topik kajian yang masih baru di Malaysia. Justeru itu, masih banyak persoalan berkaitan topik tersebut yang masih belum diterokai oleh sesiapa lalu ianya memberikan peluang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian baharu dalam topik tersebut.

¹⁴ Hsin-Huang Michael HSIAO, LIM Khay Thiong. 2007. The Formation and Limitation of Hakka Identity in Southeast Asia. *Taiwan Journal of Southeast Asian Studies*. Hlm. 8.

¹⁵ Hill, R.D., dan Voo Min Shin. 1990. Occupational and Spatial Mobility in an Overseas Chinese Agricultural Community: The Hakkas of Kudat, Sabah, Malaysia. *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*. Hlm. 194.

¹⁶ Zhang Delai. 2007. *The Hakka Experiment In Sabah: Commemorative Publication of the 90 Anniversary of the Arrival of the Hakkas and the Founding of Inanam-Menggatal-Telipok Towns*. Hlm. 27.

Antara manfaat yang boleh diperolehi melalui penyelidikan ini adalah dapat mendokumentasikan perkembangan Persatuan Hakka Daerah Papar dan bagaimana ianya mempengaruhi kehidupan masyarakat Cina di daerah Papar. Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan maklumat mengenai perihal Persatuan Hakka di daerah Papar kepada generasi muda serta peranan mereka dalam memelihara kebajikan komuniti Hakka di daerah tersebut. Seterusnya, hasil kajian ini juga mampu menyumbang kepada Persatuan Hakka Papar sebagai bahan rujukan mengenai sejarah persatuan mereka serta menjadi pendorong kepada ahli-ahli dalam persatuan tersebut untuk terus berusaha dalam mengekalkan persatuan tersebut di daerah Papar.

1.6 SKOP KAJIAN

Bagi mengelakkan data kajian yang dikumpul tersasar daripada objektif kajian ini, pengkaji telah menetapkan skop kajian yang terdiri daripada tempoh masa kajian, kawasan kajian dan bidang yang akan dikaji. Kajian ini hanya membicarakan sejarah perkembangan Persatuan Hakka Papar dari tahun ianya ditubuhkan iaitu 1964 hingga tahun 2015 sahaja. Pengkaji menetapkan tempoh selama 50 tahun supaya mampu mengenalpasti perubahan-perubahan yang berlaku dalam Persatuan Hakka di daerah Papar seperti corak pengurusan organisasi, amalan dalam menjalankan aktiviti persatuan, peranan persatuan dan sebagainya.

Kajian akan dijalankan di daerah Papar sahaja tanpa mengambil kira Persatuan Hakka yang lain di sekitar negeri Sabah. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian terhadap Persatuan Hakka di daerah Papar kerana majoriti masyarakat Cina di kawasan tersebut terdiri daripada orang Hakka dan seterusnya memudahkan proses pengumpulan maklumat untuk kajian ini. Dalam pada itu, Persatuan Hakka juga mempunyai cawangan lain di seluruh negeri Sabah seperti di Kota Kinabalu, Sandakan, Kudat dan Tawau. Namun, disebabkan kekangan waktu dan jarak perjalanan yang berbeza, pengkaji tetapkan kajian tersebut kepada cawangan di daerah Papar sahaja.

Bidang yang akan dikaji dalam kajian ini adalah berkaitan dengan sejarah sosial. Pengkaji akan memfokuskan perubahan yang dialami oleh Persatuan Hakka Papar sepanjang persatuan tersebut ditubuhkan di daerah Papar. Seterusnya, pengkaji akan mengenalpasti jenis-jenis aktiviti yang pernah dilaksanakan oleh persatuan tersebut di daerah Papar sepanjang tempoh yang telah dinyatakan. Di samping itu, kekangan

yang pernah dihadapi oleh persatuan tersebut juga akan dikenalpasti agar mampu dijadikan peringatan atau panduan kepada generasi masa hadapan persatuan itu.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan untuk mencapai suatu tujuan dalam penyelidikan dengan menggunakan teknik-teknik dan instrumen tertentu. Kaedah yang bakal digunakan oleh pengkaji dalam mengumpul dan mentafsir data kajian adalah berdasarkan kesesuaian sesuatu kaedah tersebut dalam menjawab objektif kajian dan keadaan semasa kajian tersebut dijalankan. Tambahan pula, tafsiran mengenai metodologi kajian adalah sangat luas dan perlu dijelaskan dengan lebih terperinci lagi tanpa mengira apa bidang penyelidikan sekalipun.¹⁷ Selaras dengan sifat penyelidikan sejarah, pengkaji memilih untuk menggunakan pendekatan kualitatif di mana data kajian akan dikumpul melalui kajian lapangan, temubual, kajian dokumen dan kajian kepustakaan.

Sumber data dalam kajian ini terbahagi kepada dua iaitu data primer dan data sekunder. Bagi mengumpul sumber data primer, pengkaji akan membuat kajian lapangan dengan melawat pejabat urusan Persatuan Hakka Papar bagi mendapatkan data-data mentah seperti gambar, carta organisasi persatuan, keadaan dalam persatuan dan sebagainya. Pengkaji juga akan menjalankan beberapa sesi temubual dengan ahli-ahli jawatankuasa penting dalam Persatuan Hakka Papar bagi mendapatkan pandangan mereka berkenaan persatuan tersebut. Selain itu, kajian dokumen akan dilaksanakan dengan mencari data primer seperti rekod rasmi, majalah, surat khabar, catatan dan buku yang berkaitan dengan Persatuan Hakka Papar mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam kajian ini. Pengumpulan data sekunder pula dijalankan melalui kajian kepustakaan di mana pengkaji akan meneliti buku, jurnal, artikel, buku digital dan carian atas talian yang berhubungkait dengan topik kajian.

1.8 PEMBAHAGIAN BAB

¹⁷ Winarno Surakhmad, M.Sc.Ed. 1985. Pengantar Penelitian Ilmiah. Hlm. 131.

Dalam latihan ilmiah berkaitan sejarah perkembangan Persatuan Hakka Papar, pengkaji telah membahagikan hasil kajian kepada lima bab mengikut objektif-objektif yang telah dinyatakan. Pembahagian tersebut memudahkan pengkaji untuk menyusun data kajian yang dikumpul mengikut kehendak kajian ini. Di samping itu, pengkaji juga mampu memberikan penerangan yang lebih mendalam mengenai data kajian yang akan dibentangkan dan memudahkan para pembaca untuk memahami isi-isi penting dalam kajian ini. Bab satu dalam penulisan ini akan membincangkan berkenaan latar belakang penyelidikan, permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan literatur, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian dan struktur kerangka kajian.

Bab dua pula menerangkan latar belakang dan sejarah perkembangan masyarakat Hakka di Sabah dari penghujung abad ke-19 hingga abad ke-21. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang sejarah masyarakat Hakka sejak mereka bermigrasi dari China hingga perkembangan mereka di negeri asing khususnya di Sabah. Selain itu, pengkaji juga akan meneliti corak kehidupan masyarakat tersebut dari aspek politik, ekonomi dan sosial sepanjang mereka menetap di Sabah. Hasil dapatan tersebut kemudiannya akan disimpulkan secara ringkas oleh pengkaji.

Seterusnya, bab tiga dalam penulisan ini akan membincangkan tentang Persatuan Hakka Papar dari tahun penubuhannya pada 1964 hingga tahun 2015. Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan ciri-ciri asas persatuan tersebut seperti struktur organisasi, logo, matlamat penubuhan dengan lebih terperinci. Dalam pada itu, pengkaji telah membincangkan perubahan yang berlaku dalam Persatuan Hakka Papar dan menilai sejauhmana perubahan-perubahan tersebut mempengaruhi pengurusan organisasi, amalan serta matlamat persatuan tersebut.

Bab empat pula membincangkan aktiviti-aktiviti serta cabaran yang pernah dihadapi oleh Persatuan Hakka Papar. Pengkaji telah menyenaraikan dengan teliti setiap aktiviti yang pernah dilaksanakan oleh persatuan tersebut sejak awal penubuhannya hingga tahun 2015. Di samping itu, pengkaji juga telah mengenalpasti halangan yang mengekang Persatuan Hakka Papar untuk terus berkhidmat kepada masyarakat Hakka di daerah Papar. Hasil dapatan tersebut juga akan diikuti dengan penerangan berkaitan langkah-langkah penyelesaian yang diambil oleh persatuan tersebut dalam menangani masalah yang dihadapi oleh mereka.

Bab lima dalam penulisan latihan ilmiah ini akan menyimpulkan semua perbincangan terhadap data yang diperolehi mengenai Persatuan Hakka Papar secara